

07/03/1997

Projek wajib ada ruang tanam pokok

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua projek besar yang dilaksanakan kementerian akan mempunyai kawasan khas untuk tanam pokok selaras dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya setiap menteri terbabit secara langsung dengan kempen menghijaukan negara ini.

Langkah itu juga tindakan susulan selepas Perdana Menteri mengarahkan setiap menteri mengetuai kempen menanam pokok di seluruh negara dengan menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pihaknya sudah mengarahkan Jabatan Kerja Raya (JKR) supaya mengambil kira penanaman pokok dalam semua projek mereka termasuk yang membabitkan jalan raya dan bangunan.

Malah, beliau juga sudah mengarahkan supaya 72 pokok di sepanjang lebuh raya menghubungkan Kuala Lumpur ke Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak dimusnahkan, sebaliknya ditanam di tempat lain.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pula berkata kementeriannya akan mendapatkan khidmat perunding sebelum melakukan kerja penanaman pokok dan pengindahan lanskap di Kompleks Sukan Bukit Jalil, dekat sini.

"Kita akan buat secara terperinci termasuk mengenal pasti jenis dan bagaimana hendak menanam pokok itu dengan saya sendiri akan mengetuai program penanaman itu," katanya.

Menurutnya, beliau juga membabitkan anak muda untuk kempen menghijaukan negara dengan meletakkan aktiviti itu di bawah Rakan Muda melalui gaya hidup Rakan Masyarakat yang memberi perhatian terhadap aspek kualiti alam sekitar.

Katanya, melalui langkah itu juga diharap dapat membabitkan pertubuhan belia dengan konsep `satu belia dengan satu pokok' yang akan dilaksanakan.

Saranan untuk menanam pokok itu dianggap langkah awal selepas pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang dilancarkan oleh Dr Mahathir Isnin lalu.

Semalam, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, dilaporkan berkata Perdana Menteri memberi arahan supaya semua menteri terbabit dalam program penghijauan itu dalam mesyuarat mingguan kabinet.

Turut sama bersetuju mengikut saranan kerajaan itu ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Beliau menganggap pihaknya tidak mempunyai masalah untuk mengikuti program itu kerana beliau terbabit secara peribadi dengan penanaman pokok ketika lapang.

(END)